

16/10/1998

Beri peluang kepada mahkamah: Mahathir (HL)

Faizal Fadzil; Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pemimpin negara anggota Asean memberi peluang kepada mahkamah untuk membicarakan dan membuat keputusan berhubung kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, mengikut sistem di negara ini, mahkamah yang membuat keputusan dalam menentukan sesuatu kes, bukan oleh gerombolan orang di jalan raya.

"Saya harap mereka boleh memberi peluang kepada mahkamah untuk membuat keputusan. Itu adalah sistem perundangan di negara ini. Mungkin di negara mereka, bukan mahkamah yang menentukan tetapi gerombolan orang di jalanan.

"Rakyat membuat keputusan menerusi proses pilihan raya yang demokratik," katanya mengulas kenyataan beberapa negara Asean yang mirip menganggap wujud ketidakadilan dalam sistem kehakiman di negara ini berhubung kes Anwar.

Antara negara anggota Asean yang melahirkan rasa tidak senang mereka ialah Indonesia dan Filipina.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat menjelang persidangan Dewan Rakyat dengan wakil Barisan Nasional (BN) hari ini, Dr Mahathir berkata, pemimpin negara Asean berhak untuk membangkitkan soal itu.

"Tetapi kita juga boleh membangkitkan mengenai keadaan di negara mereka," katanya.

Mengulas mengenai kenyataannya semalam supaya semua pihak menghormati keputusan mahkamah, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu apa lagi yang boleh dikatakan mengenai keadilan sistem kehakiman di negara ini.

Menurutnya, kerajaan sentiasa akur dengan keputusan mahkamah dan tidak pernah merungut walaupun sesuatu keputusan yang diberikan itu tidak menyebelahnya.

"Kita tidak mengatakan ia tidak adil tetapi (ini adalah) badan kehakiman sama yang mengisytiharkan Umno sebagai parti haram dahulu. Kita terpaksa menubuhkan semula Umno... kita telah diletakkan dalam keadaan yang sangat sukar oleh keputusan itu," katanya.

Umno diisytiharkan sebagai pertubuhan yang tidak sah oleh Mahkamah Tinggi pada 1987 setelah beberapa ahlinya mendapatkan penyelesaian mahkamah berkaitan rasa tidak puas hati dengan pemilihan parti tahun itu.

Malah, kata Dr Mahathir, mahkamah pernah menjatuhkan hukuman terhadap ramai pegawai parti, termasuk mereka yang memegang jawatan tinggi dalam kerajaan seperti menteri, menteri besar dan ketua menteri.

"Mereka disabitkan kesalahannya oleh mahkamah tetapi kita tidak pernah merungut, kita tidak berdemonstrasi," katanya.

"Sebaliknya dalam hal pembangkang, pernah seorang ahli Parlimen dijatuhi hukuman oleh mahkamah dengan denda kurang RM2,000, yang membolehkan dia terus menduduki kerusinya tetapi kita tidak membantah," katanya.

Mengikut undang-undang, seseorang anggota Parlimen akan hilang kelayakan jika dihukum denda RM2,000 atau penjara setahun.

Beliau menegaskan, badan kehakiman di Malaysia tidak seperti di sesetengah negara yang boleh membuat keputusan memihak kepada kerajaan dan memastikan sesiapa yang menyerang kerajaan dihukum sehingga ke tahap mereka tidak boleh bangkit kembali.

"Di Malaysia, seolah-olah...saya hanya kata seolah-olah saya tidak kata ia tidak adil... kepada kami keputusan dibuat tanpa mengambil kira kerajaan," katanya.

Mengenai desakan oleh sesetengah kumpulan di Amerika Syarikat supaya Malaysia memastikan supaya keadilan dilakukan dalam kes Anwar, Dr Mahathir berkata mereka sepatutnya mencerminkan diri sendiri.

"Mereka patut lihat diri mereka sendiri. Apabila polis kulit putih pukul orang kulit hitam setengah mati, mahkamah mereka buat keputusan bahawa polis tidak bersalah... akibatnya rusuhan besar berlaku di Los Angeles.

"Baru-baru ini seorang kulit hitam diheret sampai mati dengan lori manakala seorang Jepun, yang sekadar tumpang bertanya seorang tuan rumah arah ke suatu tempat, ditembak oleh tuan rumah itu, kononnya takut disamun.

"Dan apa hukuman mahkamah? Tak bersalah (kerana) dia boleh tembak sesiapa pun... inilah keadilan menurut mereka. Dan mereka cuba mengajar kita tentang keadilan sedangkan di sini kita tidak mengira bulu, tidak kira warna kulit, tidak kira kerajaan atau bukan kerajaan," katanya.

(END)